

Pelajar wanita terus unggul di UPSI

Oleh Abdul Jalil Ishak

KECEMERLANGAN pelajar wanita Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus menyerlah apabila 17 daripada 20 penerima Anugerah Kecemerlangan dalam Istiadat Konvokesyen UPSI ke-9 dibolot kaum hawa, manakala pelajar lelaki terpaksa berpuas hati dengan tiga penerima.

Penerima Anugerah Emas Naib Canselor, Azlina Suleiman, berkata bagi merealisasikan impiannya menjadi pendidik, beliau terpaksa belajar daripada bawah. Malah, pelajar berusia 31 tahun yang mengambil jurusan Geografi itu mengakui melalui pelbagai cabaran sebelum memperoleh kejayaan cemerlang itu.

"Saya bukan pelajar cemerlang. Namun, bagi merealisasikan impian, saya belajar daripada mudah kepada susah. Saya berjumpa pensyarah untuk bimbingan dan berdiskusi bersama rakan bagi meningkatkan kefahaman," katanya yang berasal dari Batu Pahat, Johor.

Majlis graduasi itu diadakan di Dewan SITC, Kampus Induk Sultan Abdul Jalil Shah, di Tanjung Malim, baru-baru ini. Istiadat penuh gilang gemilang itu disempurnakan Canselornya, Tuanku Bainun, yang juga Raja Permaisuri Perak.

Selain Azlina tiga lagi rakannya turut menerima Pingat Emas Naib Canselor daripada Tuanku Bainun, iaitu Norliah Sobli, Eng Poo Ngo dan Siti Shamsiah Sani. Penerima Hadiah Buku pula ialah Loh Siew Wan, Rashdan Nuruddin, Mor Asiba Saad dan Balkesh Zubaidah Ahmad.

Sesi kedua pula menyaksikan enam penerima Anugerah Pingat Emas yang disampaikan Pro Canselor, Tan Sri Datuk Yahaya Ibrahim. Lima daripada penerima anugerah berkenaan ialah pelajar wanita iaitu Shamsiah Jaafar, Salina Tukiman, Jasmarani J Ali, Sharah Abdul Halim,



SYABAS: Balkesh (kanan) dan Asiba menerima hadiah buku.

Liza Saad dan Mariana Md Sari. Penerima Hadiah Buku pula ialah Saiful Hanif Nawawi, Siti Aishah Ahmad, Arnida Ayob, Zurina Che Mohjd, Suhainita Hsan dan Misnah Bibit.

Ketika ditemui, rata-rata penerima anugerah itu berazam akan menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai guru berijazah terlatih dengan jujur, dedikasi dan semangat berkobar-kobar menyampaikan ilmu kepada murid.

Mereka juga berazam akan menahut cabaran Canselor agar menepatkan nilai kerohanian di kalangan pelajar, sekali gus membentuk modal insan berguna kepada negara masa depan.

Bagi penerima anugerah wanita, tanggungjawab terhadap keluarga

dan rumah tangga sebagai suri rumah tetap dilaksanakan sebaik mungkin.

Apa pun, kebanyakan mereka berpegang kepada prinsip kerja keras, pandai membahagi masa, sentiasa memantau pencapaian pelajaran dari semasa ke semasa dan tidak putus asa, sebagai senjata ke arah kecemerlangan dalam pelajaran.

Malah, ramai yang menyifatkan amanah Naib Canselor, Datuk Dr Muhammad Rais agar mereka sentiasa bersyukur, taat kepada ibu bapa dan mengamalkan sifat sederhana akan dijadikan panduan dalam mengharungi liku hidup penuh bergelora masa depan kelak.

Bagi Eng Poo Ngo, 49, pengalaman sebagai guru selama 27 tahun sebelum melanjutkan pelajaran ke UPSI mengajarnya cara mengurus masa dengan bijak.

Penerima Anugerah Buku, Loh, 47, yang mengikuti program Pengsiswazahan Guru Besar, berkata usia bukan penghalang bagi seseorang mencapai kejayaan.

"Yang penting, usaha, semangat kental, bijak membahagi masa, belajar secara berfokus dan hormati pensyarah serta rakan," katanya.

Bagi pelajar jurusan Pendidikan Khas, Salina Tukiman, 30, penerima Anugerah Pingat Emas Naib Canselor, dari Yong Peng, Johor, berkata beliau berazam memberikan bimbingan kepada pelajar istimewa, khasnya cacat penglihatan, pendengaran dan mundur pelajaran apabila bertugas kelak.

"Mereka perlu bimbingan berterusan dan bersepadu. Menerusi ilmu diperoleh daripada program yang diikuti ini, saya berazam akan membimbing mereka dengan cara terbaik. Bagi saya, masyarakat harus memberikan sokongan dan galakan kepada usaha membangunkan modal insan di kalangan kaum yang lemah dan daif," katanya.

“Saya terpaksa mengurus masa dengan bijak. Masa belajar, saya beri tumpuan secara berfokus. Ketika bersama keluarga, saya lupakan pelajaran seketika”

Eng Poo Ngo
Pelajar UPSI